

KENYATAAN MEDIA
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

22 APRIL 2016



STATUS JEREBU DALAM NEGARA

Keadaan berjerebu di Lembah Klang masih berterusan pada hari ini dengan satu (1) kawasan iaitu Pelabuhan Klang, Selangor telah mencatatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada tahap “tidak sihat” iaitu IPU 105 setakat jam 12.00 tengahari. Sementara itu, jerebu setempat juga dialami di Miri, Sarawak dengan bacaan IPU berada pada tahap “tidak sihat” iaitu 143. Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di ‘Google Play’ .

PUNCA JEREBU

Keadaan berjerebu yang dialami di Lembah Klang adalah disebabkan oleh asap kebakaran hutan dan tanah gambut yang berlaku di beberapa kawasan di bahagian tengah Semenanjung Malaysia seperti di Selangor dan Pahang serta pelepasan dari kenderaan bermotor dan pelepasan dari industri di Lembah Klang. Manakala, kebakaran hutan di kawasan Bekenu dan Marudi, Sarawak menyumbang kepada keadaan berjerebu di Miri, Sarawak.

Cuaca panas dan kering berikutan fenomena El-Nino menyebabkan peningkatan kes-kes kebakaran terbuka yang menyumbang kepada masalah jerebu setempat. Kes-kes kebakaran yang berlaku sedang giat dipadamkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dan keadaan kebakaran adalah terkawal.

Sepanjang tempoh Januari hingga 21 April 2016, Jabatan Alam Sekitar (JAS) memantau kes kebakaran besar yang masih berlaku seperti berikut:-

BIL.	KES KEBAKARAN	TEMPOH KEBAKARAN	SAIZ KEBAKARAN
1.	KEBAKARAN HUTAN DI TANAH GAMBUT DI MUKIM BERIS LALANG DAN MUKIM BEOH, BACHOK , KELANTAN	12 MAC 2016 HINGGA KINI	Kebakaran : 40 Hektar Baki belum padam : 8 Hektar (Berasap nipis)
2.	KEBAKARAN COMPARTMENT 13, 15, 17, 24 DAN 27 DI HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT SELATAN, SELANGOR	2 APRIL HINGGA KINI	Kebakaran : 62 ekar Padam : 25 ekar Baki belum padam : 37 ekar
3.	KEBAKARAN PAYA GAMBUT DI HUTAN SIMPAN GUNUNG ARONG, MERSING	19 APRIL - KINI	Kebakaran : 100 hektar Padam : 85 hektar Baki belum padam : 15 hektar
4.	KEBAKARAN HUTAN BELUKAR DI KG. DURIAN GULING, MARANG, TERENGGANU DARUL IMAN	17 APRIL - KINI	Kebakaran : 21.1 hektar Padam : 13.1 hektar Baki belum padam : 8 hektar
5.	KEBAKARAN HUTAN DI BEKENU DAN MARUDI, SARAWAK	20 APRIL – KINI	Kebakaran : Sepanjang 2 km (Bekenu) & 200 ekar (Marudi)

Pada masa kini, tiada pengaruh jerebu merentas sempadan kerana negara masih berada dalam musim peralihan monsun yang dijangkakan sehingga pertengahan bulan Mei 2016.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

22 April 2016